

SUKAN SEA 1989

Filipina minat sertai silat, luncur layar

18 APRIL 1988

KUALA LUMPUR — Walaupun pencak silat dan luncur layar merupakan acara sukan yang asing bagi Filipina, namun negara itu tidak mahu ketinggalan untuk beradu tenaga dengan negara-negara lain di rantau ini.

Minat Filipina terhadap sukan itu disuarakan oleh pengerasi Majlis Olimpik Filipina, Gabenor Jose Sering, dalam mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA (SGF), baru-baru ini.

Beliau mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai kedua-dua sukan tradisional itu yang akan dipertandingkan dalam Sukan SEA Ke-15 di sini

tahun depan.

"Saya berharap negara tuan rumah dapat membantu kami. Sukan ini adalah asing bagi kami dan saya sendiri sukar menyebutnya. Tetapi Filipina bersedia mengambil bahagian dalam acara ini jika ada yang sudi menunjuk-ajar," katanya.

Setiausaha penganjur Sukan SEA, Datuk Abu Bakar Said, yang juga ketua setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, berjanji akan menghantar maklumat yang diperlukan oleh Filipina manakala Indonesia akan menyediakan pita video mengenai sukan itu kepada Filipina.

Sementara itu, Pemerintah

Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK), telah diseru supaya mengirim permohonan menjadi anggota Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), andainya mereka mahu mengirim sebuah pasukan dalam Sukan SEA 1989.

Badan induk sukan sedunia itu telah memberi amaran akan 'menghukum' SGF jika membenarkan penyertaan negara yang bukan menjadi anggota IOC, kata presiden SGF, Tan Sri Hamzah Abu Samah, memberitahu mesyuarat tersebut.

Jurucakap CGDK, Sothirak Sereisopheak, ketika menjawab kenyataan Tan Sri Hamzah menegaskan bahawa negaranya

akan segera mengemukakan permohonan kepada IOC.

Sothirak menerangkan bahawa negaranya ingin mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik Seoul dalam September nanti dan sudah pun mengemukakan permohonan kepada IOC, "tetapi sehingga sekarang kami belum menerima jawapan."

Tan Sri Hamzah, yang juga naib presiden IOC, menegaskan beliau akan berusaha membantu permohonan CGDK itu.

Kemboja yang dulunya diperrintah oleh Lon Nol pernah menjadi anggota IOC sehingga 1973. — Bernama, AFP.